

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1985/86

SUP308: Perlakuan Organisasasi

Tarikh: 11 April 1986

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari
(3 jam)

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan perwatakan atau pun "personality"? Terangkan bagaimanakah perwatakan seseorang boleh mempengaruhi prestasinya di dalam organisasi.
2. Mengikut French dan Raven, kuasa di dalam organisasi berpunca dari lima asas. Apakah asas-asas tersebut dan bagaimanakah tiap satunya dapat mempengaruhi prestasi dan daya pengeluaran di dalam organisasi?
3. Terangkan perbezaan di antara teori-teori yang diutarakan oleh Ohio State Leadership Studies dengan apa yang dicadangkan oleh University of Michigan Studies. Kemudian buktikan persamaannya dengan apa yang dikemukakan oleh Blake dan Mouton di dalam teori "managerial grid" mereka.
4. Nyatakan lima jenis rangkaian komunikasi yang terdapat di dalam organisasi. Terangkan bagaimana rangkaian yang dianggap terbaik boleh mempengaruhi prestasi kumpulan.
5. Tanggapan adalah salah satu daripada faktor yang boleh mempengaruhi daya pengeluaran dan prestasi pekerja. Terangkan bagaimanakah tanggapan seseorang pengurus itu boleh meninggikan atau pun mengurangkan daya pengeluaran dan prestasi pekerja di bawah penyeliaannya.

... 2/-

6. Apakah yang dimaksudkan dengan politik organisasi?
Huraikan faktor-faktor utama yang boleh membawa kepada politik organisasi yang tidak berfungsi.

-00000000-